

Waqaf Air dan Isu Perundangan di Malaysia

Water Waqaf and Legal Issues in Malaysia

RASYIKAH MD. KHALID
MUHAMMAD AMIRUL ASHRAF A. GHANI
MUHAMAD ZAWAWI JALALUDIN
SUHAIMI AB RAHMAN
NURUL AINI YAACUB

ABSTRAK

Berwakaf adalah amalan yang mulia yang telah terpahat pada sejarah dan tamadun Islam. Dalam era dunia yang pesat membangun, wakaf tidak lagi terhad kepada penyediaan tapak untuk pembangunan, malah dewasa ini waqaf telah melibatkan pembinaan perigi dan taliair bagi kegunaan masyarakat setempat. Ini juga bertepatan masanya kerana pembangunan dan perindustrian pesat acapkali menyebabkan sungai tercemar dan mengganggu bekalan air. Artikel ini mengkaji konsep dan rukun berkaitan wakaf dan pengaplikasiannya dalam konteks waqaf air, serta perkembangan perundangan berkaitan waqaf air di Malaysia. Kajian ini penting kerana bidang kuasa pentadbiran sektor air terbahagi di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Malaysia. Oleh yang demikian, enakmen negeri berkaitan air dan wakaf perlu diperhalusi agar tiada pertikaian dalam pelaksanaan wakaf air di masa hadapan.

Kata kunci: Waqaf; air; federalisme; perundangan negeri; perlembagaan persekutuan

ABSTRACT

Waqf is a noble practice that has been established in the history and culture of Islam. In the era of a rapidly developing world, waqf is no longer limited to providing a land for development. In fact, today waqf has been expanded to develop waterways for the benefit of the local community. This also coincides with the current situation since rapid development and industrialization often cause rivers to be polluted and disturb water supplies. This article examines the concepts and principles related to waqf and its application in the context of water waqf, as well as the development of legislation related to water waqf in Malaysia. This study is important since jurisdiction in the water sector is divided between the state and the federal government in Malaysia. Thus, the state's law on water and waqf needs to be refined so that there is no conflict in the implementation of water waqf in the future.

Keywords: Waqf; water; federalism; state laws; federal constitution

PENGENALAN

Masyarakat umum di Malaysia mengenali wakaf sebagai tempat berehat atau tanah yang diwakafkan oleh individu tertentu untuk kegunaan umum. Konsep wakaf kemudian dikembangkan untuk meliputi pembangunan kompleks komersil, sekolah atau perumahan yang diusahakan oleh badan-badan tertentu bagi orang awam. Di negara luar terutamanya Mesir dan Turki, konsep wakaf menjadi sangat subur sehingga universiti terkenal seperti Universiti Al-Azhar adalah hasil amalan wakaf, manakala pelajar di sana mendapat banyak perkhidmatan secara percuma. Di Malaysia, amalan wakaf mula dipergiatkan sejak penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada

tahun 2004. Terkini, Menteri Alam Sekitar dan Air mengumumkan kerjasama bersama Yayasan Waqaf Malaysia untuk mengumpulkan dana wakaf untuk membiayai pembinaan perigi bagi kegunaan umum. Artikel ini menghuraikan konsep wakaf dalam Islam dan aplikasinya dalam wakaf air melalui pembinaan perigi. Ia juga menghuraikan pelaksanaan wakaf dari aspek perundangan dan samada pertindahan kuasa diantara Kerajaan Negeri dan Persekutuan wujud dalam pengurusan dan pentadbiran aset wakaf.

KONSEP DAN HUKUM WAKAF

Wakaf, atau waqf dalam bahasa Arab, bermaksud berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس).

Jumhur fuqaha (Al-Syarbini 1997) memberikan takrif wakaf sebagai:

“menahan suatu harta seseorang untuk dimanfaatkan orang lain dengan terputus hakmilik ke atas harta tersebut. Harta yang diwakafkan mestilah di dalam keadaan baik dan ditujukan untuk kebajikan semata-mata bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Manakala ain (harta) yang diwakafkan pula akan tertahan sebagai hakmilik Allah s.w.t”.

Menurut Mazhab Syafie (Al-Khin 2009) wakaf bermaksud:

“menahan suatu harta seseorang yang bermanfaat untuk dimanfaatkan orang lain dengan perkara yang diharuskan bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan terputus hakmilik wakaf (pewakaf) ke atas harta tersebut”.

Kedua-dua maksud ini menerangkan bahawa selepas pewakaf berniat untuk mewakafkan hartanya, dia hilang hakmilik ke atas harta tersebut. Oleh itu, harta wakaf tidak boleh dihibahkan, diwarisi atau dijual. Seterusnya, Al-Zuhayli (2005) menakrifkan wakaf sebagai:

“menahan harta yang kekal zatnya yang boleh digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan sebagai usaha taqarrub kepada Allah SWT, harta yang diwakafkan diserahkan kepada pihak tertentu dan mereka tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut secara sewenang-wenangnya”.

Dalam hal ini, wakaf boleh ditujukan khas untuk penerima tertentu (wakaf khas) atau untuk sesiapa sahaja (wakaf am).

DALIL PENSYARIATAN MELALUI AL-QURAN DAN HADIS

Amalan mewakafkan harta telah sebatian dengan kehidupan di zaman sahabat. Ini berikutan keyakinan yang tinggi dikalangan sahabat tentang ganjaran berwakaf yang berpanjangan. Firman Allah swt:

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.

(Surah Ali ‘Imran:92)

“Derma orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah samai sebiji benih yang menerbitkan tujuh tangkai; setiap tangkai mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah Maha Luas kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Surah Al Baqarah: 261)

Dalil dari hadis yang berkaitan wakaf ini diambil dari hadis masyhur dan maklum oleh umat Islam berkenaan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada pewakaf. Hadis daripada Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

Maksudnya: “Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya” (Al-Nawawi, 1994).

Imam al-Nawawi berpendapat bahawa hadith di atas merupakan dalil sahnya amalan berwakaf serta pahalanya yang besar dan bagi definisi daripada sadaqah jariah ialah wakaf. Jumhur ulama juga telah mentafsirkan perkataan ‘*sadaqah jariah*’ dalam hadith yang tersebut di atas itu dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Tiada siapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam kerana wakaf telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Rasulullah SAW, ahli-ahli ibadat yang suka bersedekah atau membuat amal kebajikan dan ahli-ahli ilmu yang suka mendampingi dirinya dekat dengan Allah SWT.

Menyoroti sirah para sahabat iaitu Saidina Umar al-Khattab, beliau mewakafkan tanahnya yang disayanginya kepada kaum muslimin dan seiring dengan itu memberi makna wakaf sangat memiliki peranan dalam pembangunan sektor awam. Seterusnya adalah kisah Saidina Uthman bin ‘Affan yang membeli sebuah perigi dan diwakafkan kepada kaum Muslimin yang sangat memerlukan. Hal ini diriwayatkan dalam mafhum hadis tersebut:

Daripada ‘Uthman bin ‘Affan r.a berkata, Baginda s.a.w bersabda: “Sesiapa yang membeli telaga Raumah dan kemudian memasukkan timbanya ke dalam telaga itu bersama-sama timba kaum muslimin yang lain, yang dia akan mendapatkan sesuatu yang lebih baik di syurga”.

RUKUN WAKAF

Rukun wakaf terbahagi kepada empat (4) iaitu:

1. Pewaqaf (*waqif*);
2. Penerima waqaf (*mawquf ‘alayh*);
3. Harta Yang Diwakafkan; dan
4. Lafaz Waqaf.

Sebagaimana kebanyakan rukun muamalah, pewakaf perlulah baligh, merdeka, berakal dan berkeelayakan untuk berwakaf hartanya secara reda dan sukarela. Namun penerima wakaf boleh ditentukan secara khusus atau tidak. Rukun selanjutnya adalah harta milik pewakaf adalah objek tertentu seperti sebidang tanah atau sebuah bangunan serta boleh dipindah milik.

Terdapat dua kategori harta, iaitu harta tidak boleh alih (*‘aqar* atau *immovables*) dan boleh alih (*manqul* atau *movables*) seperti rumah manakala harta boleh alih adalah seperti buku dan wang. Menurut kajian, Imam Shafie, Iman Hambali dan Imam Malik berpendapat bahawa harta boleh alih tidak habis nilainya semasa digunakan semasa diwakafkan. Contoh mudah yang dapat digambarkan adalah wakaf tunai yang digunakan pada zaman kini yang memudahkan pewakaf yang tidak mempunyai harta tak alih, namun ada wang yang boleh dijadikan untuk tukaran kepada harta seperti tanah yang dipilih sebagai harta wakaf disamping ianya berjalan seiring dengan pahala pewakaf. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-77 membenarkan wakaf dalam bentuk wang tunai (Yayasan Wakaf Malaysia 2009)

Selanjutnya, rukun keempat adalah Lafaz (*sighah*) yang mana ianya akad dalam bentuk perkataan atau tulisan yang difahami tujuannya samada wakaf tersebut kepada masyarakat am atau wakaf tersebut ditujukan khas untuk golongan tertentu. Dalam hal ini, *lafaz sorih* memberi maksud yang tertentu seperti “*Saya mewakafkan rumah pusaka saya ini untuk orang-orang fakir.*” Manakalah *lafaz kinayah* memberi beberapa maksud seperti “*kesemua hartaku adalah sedekah kepada anak-anak fakir miskin*”.

WAKAF AIR

Air adalah merupakan keperluan umat manusia dan sejagat. Dari seluruh tubuh bumi ini, 70% tubuhnya diselaputi air. Allah SWT menjadikan air sebagai wasilah kepada manusia sebagai meneruskan kelangsungan hidup untuk beribadat kepadaNya. Air datang dari sumber semulajadi yang mana kepentingan air ini tidak dapat tidak ianya adalah diposisi pertama di dalam senarai keperluan umat manusia. Ia merujuk kepada kesejahteraan, ketenangan, kegembiraan dan juga kepentingan.

Sebagaimana amalan para sahabat yang pernah berwakaf air melalui pembinaan atau pembelian perigi, konsep wakaf itu wujud dan air sebagai mekanisma atau penghubung dengan menjadikan

wakaf tersebut hidup dikalangan orang Islam ketika itu. Dalam satu hadith riwayat Tabarani, Anas Bin Malik bertanya, “*Ya Rasulullah, sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia dan dia tidak berpesan (buat amal jariah untuknya). Adakah sampai pahala kepadanya jika saya bersedekah untuknya?*” Rasulullah bersabda “*Ya, hendaklah kamu sedekah melalui sumber air.*” Selanjutnya hadith riwayat Baihaqi, daripada Abu Hurairah, Rasulullah saw bersabda “*Tiada sedekah yang lebih besar ganjaran pahala melebihi air.*”

Merujuk kepada hadith diatas, dapatan yang dapat diterjemahkan adalah, ibadat wakaf berkait rapat dengan amalan untuk manusia merapatkan diri kepada Allah SWT. Dalam konteks wakaf air, ia dikategorikan di dalam wakaf tunai. Pada zaman ini, wakaf air diterjemahkan dengan mekanisma di mana wang dijadikan platform sumbangan oleh pewakaf demi melaksanakan amalan berwakaf tersebut yang diuruskan oleh badan-badan NGO dan institusi-institusi berkaitan.

WAKAF AIR BAGI MEMENUHI KEPERLUAN AIR BERSIH

Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengeluarkan suatu resolusi 64/292 bertarikh 28 July 2010 yang memperuntukkan bahawa setiap individu berhak untuk mendapatkan air yang bersih. Malah turut disokong bahawa air adalah kehidupan yang digunakan untuk pertanian serta penternakan yang membekalkan sumber makanan kepada manusia. Bagi umat Islam pula, air penting dalam dan digunakan untuk beribadah iaitu berwuduk.

Di Malaysia, 97% daripada sumber air adalah dari sungai. Hanya 3% air bawah tanah yang telah digunakan. Air dari sungai ini diambil oleh syarikat operator air di setiap negeri untuk dirawat dan dibekalkan kepada orang ramai dan industri (Md Khalid 2018). Namun demikian, hampir separuh sungai utama di Malaysia telah tercemar kerana tiada penguatkuasaan berkesan terhadap pencemar, samada daripada sumber berpusat atau tidak berpusat.

Pencemaran Sungai Kim-Kim, Sungai Semenyih dan Sungai Gong adalah contoh sungai yang tercemar akibat pencemar atau pesalah, samada kilang haram atau ahli masyarakat, menggunakan sungai sebagai tong sampah mereka. Bagi Malaysia yang mana 97% sumber air adalah dari sungai, pencemaran sungai akan turut menyebabkan gangguan bekalan air (Khalid et al., 2018). Pencemaran sungai di

Selangor akan menyebabkan loji rawatan air mentah henti tugas, dan akan menyebabkan gangguan air kepada jutaan penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kes pencemaran yang berterusan dan gangguan bekalan air telah mendorong Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk menggalakkan penggunaan air bawah tanah melalui konsep wakaf air. Penggunaan perigi bawah tanah ini mungkin baharu bagi penduduk di bandar, namun telah diamalkan oleh ramai penduduk luar bandar di Pahang, Kedah dan Kelantan yang tiada infrastruktur perbekalan air yang asas. Di bawah konsep wakaf air,

air bawah tanah akan menjadi sumber air alternatif dan berterusan walaupun kemarau.

Sebelum KASA melancarkan wakaf air, konsep ini telah diamalkan oleh universiti-universiti awam dan badan bukan kerajaan dalam membantu penduduk-penduduk di luar bandar untuk mendapatkan air bersih, antaranya Universiti Malaya dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta Islamic Relief Malaysia dan Serantau Muslim. Malah, mereka juga aktif membantu penduduk di negara-negara miskin seperti Kemboja dan Sudan dengan membina telaga dan perigi.



Sumber: <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/03/uthm-wakaf-51-telaga-pam-air-untuk-masyarakat-islam-kemboja/>

WAKAF AIR ATAS FAKTOR GEOGRAFI DAN PERGOLAKAN

Dalam konteks wakaf air dizaman moden, terdapat beberapa factor lain yang mendorong kepada peningkatan amalan wakaf air. Pertama, banyak negara-negara miskin terpaksa menggunakan telaga akibat kegagalan pengurusan sumber air negara mereka untuk membekalkan air bersih. Ini menyebabkan rakyat terpaksa menggunakan sumber air yang tidak bersih ataupun tercemar seperti di Uganda, Ethiopia dan Nigeria. Negara-negara di benua Afrika turut terkesan dengan perubahan iklim yang melanda yang menyebabkan kemarau berpanjangan (Taylor 2020).

Faktor kedua yang menyebabkan penggunaan telaga sebagai sumber air alternatif adalah faktor pergolakan atau peperangan saudara yang mana rakyat menerima sumber air yang terhad. Ini kerana apabila peperangan berlaku, pengurusan sumber air di sesebuah negara telah menjadi kucar-kacir

malahan wujud sabotaj dengan meracuni sumber air. Ini dapat dilihat melalui beberapa negara seperti di Yaman, Syria dan Palestin (Al-Saadi et al. 2020).

Faktor ketiga adalah disebabkan faktor geografi sesebuah negara menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan sumber air. Sumber air yang terhad dapat dilihat di negara Sub-Sahara, Timur Tengah dan Afrika. Ini sekaligus menyebabkan sumber air mentah yang terhad bagi kegunaan masyarakat. Di Iraq, akibat perebutan air di Lembangan Sungai Tigris dan Euphrates diantara negara Turki di hulu, serta negara Syria dan Iraq di hilir, sumber air bawah tanah menjadi sangat penting untuk sektor pertanian dan makanan (Al-Saadi 2020; Al-Jawad 2018).

Kini, pelbagai jenis wakaf air telah dilaksanakan seperti perigi pam atau telaga tiub. Melalui sistem ini, air bawah tanah diperolehi selepas digerudi sedalam 20-meter atau lebih, dan dipam keluar dengan pam elektik. Perigi berpusat yang digali jauh ke bawah tanah akan mengekstrak air bawah tanah untuk kapasiti yang besar. Setelah air diekstrak, air

tersebut akan disimpan ke tempat simpanan sebelum disalurkan kepada pengguna. Akhir sekali adalah perigi palong yang lebih konvensional. Namun, ia

sedalam 15–20-meter dan menyebabkan ia mudah dimasuki oleh benda asing dan mengundang isu keselamatan.



Sumber: <https://donate.serantaumuslim.org.my/order/form/waqafelaga2020>

WAKAF DARI SUDUT PERUNDANGAN

Di Malaysia, wakaf tertakluk kepada Undang-undang setiap negeri. Ia tertakluk kepada Jadual Kesembilan Senarai Dua iaitu Senarai Negeri yang memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam negeri-negeri mempunyai kuasa mutlak dalam menggubal undang-undang berhubung dengan wakaf (Mahmood 2017). Undang-undang negeri berhubung wakaf adalah:

1. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
2. Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015
3. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
4. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006
5. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005
6. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
7. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
8. Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004
9. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
10. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
11. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001
12. Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

13. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
14. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991

Dalam aspek ini, hanya negeri Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan yang telah menggubal enakmen khas berkenaan wakaf. Ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memartabatkan wakaf secara khusus. Diperingkat nasional, pemerkasaan institusi wakaf dilaksanakan oleh JAWHAR yang ditubuhkan pada tahun 2004 oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Fungsi JAWHAR diterangkan oleh mantan Menteri Agama, Dato' Seri Dr Abdullah Md Zin (2004), seperti berikut:

“Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang”.

Dua tahun kemudian, Tun Abdullah menegaskan peranan JAWHAR semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 seperti berikut

“Kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan”.

Apa yang dapat diperhatikan daripada ucapan-ucapan di atas adalah penekanan peranan kerajaan negeri dalam pengurusan wakaf. Ini kerana wakaf adalah hal ehwal agama Islam di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Walaupun JAWHAR ditubuhkan untuk melancarkan institusi wakaf, ia hanya boleh melaksanakan sedemikian dengan sokongan dan persetujuan kerajaan negeri.

Kini dapat diperhatikan bahawa kerajaan-kerajaan negeri ingin bergerak bersendirian untuk memajukan amalan wakaf dinegeri masing-masing. Di negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) memperkenalkan 'saham wakaf Johor'. Ini bagi menggalakkan sesiapa sahaja yang tidak mempunyai aset untuk menyumbang wang dalam penubuhan aset wakaf, sekaligus menjadi pemegang saham aset wakaf tersebut. Selain itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) memperkenalkan Waqaf Perak Ar-Ridzuan yang mempelawa mana-mana individu untuk menyumbang dana wakaf. Terkini, MAIPk telah melancarkan wakaf bot, wakaf pusat kesihatan, wakaf pusat komersil dan wakaf pusat pendidikan.

Sebagaimana isu pentadbiran halal, terdapat agensi yang mentadbir diperingkat persekutuan seperti JAKIM, dan diperingkat negeri oleh majlis-majlis agama negeri. Namun, dari aspek pensijilan halal, kebanyakan pengusaha produk halal cenderung untuk memohon sijil halal JAKIM berbanding dengan sijil halal daripada majlis agama negeri. Ini kerana sijil halal JAKIM telah terkenal diperingkat global sebagai pensijilan yang sangat mematuhi prosedur dan standard halal yang ketat.

Berbanding dengan isu wakaf, peranan JAWHAR dalam pemerkasaan wakaf kurang menyerlah daripada peranan JAKIM dalam isu pensijilan halal. Ini mungkin kerana aset-aset wakaf bersifat harta tidak boleh alih dan terletak di negeri-negeri, maka selayaknya majlis agama negeri yang lebih berperanan. Dalam hal zakat juga, peranan dimainkan dengan aktif oleh majlis agama negeri. Oleh yang demikian, peranan JAWHAR lebih tertumpu kepada pentadbiran haji dan umrah yang sememangnya berpusat dan diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji.

WAKAF AIR DAN PERUNDANGAN BERKAITAN

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan wakaf air

melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia. Produk wakaf ini dinamakan Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air atau ringkasnya Wakaf Air dan dilancarkan pada 20 Oktober 2020. Wakaf Air akan membiayai projek perkhidmatan air di bawah RM50,000.00 dimana dana ini akan digunakan untuk penggalian perigi, pembelian alat ganti dan tangki simpanan air serta sambungan paip dengan punca air (Yayasan Wakaf Malaysia 2020).

Wakaf air adalah inisiatif kerajaan dalam bentuk mengujudkan perigi. Namun terma wakaf 'air' itu boleh menimbulkan penafsiran yang pelbagai. Ini kerana 'air' secara istilah tidak boleh dimiliki sepertimana pemilikan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Sifat sumber air yang mengalir mungkin menyebabkan ia tidak boleh menjadi harta atau 'ain' yang boleh diwakafkan. Sumber air adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri tetapi tiada peruntukan undang-undang untuk memberi hakmilik sumber air kepada sesiapa. Namun sekiranya wakaf 'air' ini merupakan sumbangan wang bagi pembinaan perigi, maka isu istilah ini perlu dijelaskan supaya tidak mengelirukan. Maka, penggunaan terma wakaf perigi boleh mengatasi masalah yang timbul.

Secara dasarnya wakaf air untuk pembinaan perigi adalah perkara yang baik demi menjaga kebajikan serta kemaslahatan masyarakat yang memerlukan. Dalam hal ini, pentadbiran sumber air bawah tanah bagi tujuan pembinaan perigi adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Senarai Negeri. Walau bagaimana pun, aspek kesihatan air yang diminum adalah bidangkuasa kerajaan persekutuan. Oleh itu, selain daripada kelulusan agensi kerajaan berkenaan air, kelulusan juga perlu diperolehi terlebih dahulu daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti berikut:

1. Lembaga Sumber Air Negeri atau Badan Kawalan Selia Air Negeri (BKSA)

Oleh kerana sumber air adalah dibawah pentadbiran kerajaan negeri, setiap negeri telah menggubal enakmen berkenaan sumber air masing-masing. Terdapat negeri yang menubuhkan Lembaga Sumber Air, manakala negeri lain diselia oleh BKSA negeri di bawah pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Secara amnya, lembaga sumber air atau BKSA mempunyai kuasa untuk mengenakan caj abstraksi air mentah. Proses abstraksi air bawah tanah memerlukan lesen serta bayaran tahunan air. Namun, caj tersebut adalah

tertakluk mengikut enakmen negeri masing-masing. Sebagai contoh, seksyen 41(2) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor memperuntukkan bahawa *“tiada seseorang pun atau pihak berkuasa awam boleh, kecuali dengan kelulusan LUAS, mengganggu aliran semulajadi air dalam mana-mana sumber air atau mengambil atau mengguna air daripada mana-mana sumber air kecuali dengan jumlah tertentu yang telah dibenarkan oleh LUAS dari semasa ke semasa”*.

2. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Setiap penggalian air bawah tanah memerlukan lesen untuk menggali dan mengekstrak air dari sumber bawah tanah. JMG berperanan untuk mengenalpasti sama ada lokasi penggalian mempunyai sumber air yang mencukupi dan menentukan takat sumber air yang berada dibawah tanah demi menjamin kelangsungan sumber air bawah tanah.

3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Jabatan Alam Sekitar mempunyai bidangkuasa untuk memeriksa sama ada air yang telah diekstrak selamat digunakan. Pegawai JAS mempunyai kepakaran dalam menentukan tahap keasidan air atau tahap pencemaran air untuk kegunaan tertentu seperti pertanian atau kegunaan lain. JAS juga telah menetapkan parameter tertentu seperti Standard Kualiti Air Kebangsaan untuk Malaysia, Kegunaan dan Kelas Air, dan Klasifikasi IKA JAS bagi sumber air bawah tanah (Hashim, 2020).

4. Jabatan Kesihatan

Agensi ini penting untuk dirujuk jika air bawah tanah yang digali adalah untuk minuman. Ini kerana tidak semua sumber air yang diambil selamat untuk digunakan lebih-lebih lagi untuk terus diminum. Jabatan Kesihatan akan menilai tahap keasidan air bagi tujuan minuman mengikut piawaian dan Standard Air Minuman Kebangsaan.

5. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

SPAN adalah penyelia kepada operator air kumbahan seperti Konsortium Indah Water di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Walaupun SPAN tidak secara langsung terlibat dengan penggunaan air bawah tanah, kebanyakan penduduk di kawasan pendalaman menggunakan tangki septik

yang tidak diselia sekian lama. Ini mungkin menyebabkan pencemaran air bawah tanah. Apabila wakaf air menjadi kebiasaan, SPAN perlu meningkatkan kempen kesedaran agar penduduk yang menggunakan telaga memanggil operator air kumbahan untuk menyedut tangki septik mereka dan megelakkan pencemaran air bawah tanah.

KESIMPULAN

Wakaf adalah amalan yang subur dan diamalkan sejak zaman Rasulullah dan para sahabat. Ia berkembang ke zaman moden melalui pelbagai platform di peringkat negeri dan persekutuan. Kini wakaf air sibuk diperkatakan kerana gangguan bekalan air yang sering berlaku akibat pencemaran sungai. Konsep wakaf air diperkenalkan agar seseorang mewakafkan tanah kepunyaannya bagi membina perigi untuk kegunaan masyarakat. Dalam menjayakan wakaf air, masyarakat perlu mematuhi segala undang-undang yang telah diperuntukkan kerana air yang digali nanti adalah untuk kegunaan harian terutamanya minuman.

Dalam hal bidangkuasa dan pentadbiran wakaf pula, walaupun pihak negeri tidak merujuk kepada JAWHAR untuk memperkasakan institusi wakaf di peringkat negeri, kerajaan negeri boleh berbincang dengan JAWHAR supaya institusi wakaf diperkemaskan dan setanding dengan institusi wakaf di negara Mesir atau Turki. Kini dengan bermulanya amalan wakaf air KASA, kerjasama lebih erat diperlukan diantara kerajaan negeri dan persekutuan dalam menjayakannya. Sekiranya pembinaan perigi bukan ditanah persendirian, pihak kerajaan negeri bolehlah memberi tanah untuk pembinaan perigi dikawasan luar bandar yang memerlukan.

Selain daripada itu, beberapa perundangan berkaitan sumber air perlu dipatuhi dalam usaha untuk menjayakan wakaf air. Ini bagi memastikan keselamatan sumber air yang digunakan bebas dari pencemaran dan tidak mendatangkan kemudharatan. Semoga dengan menunaikan ibadah wakaf air ini, ahli masyarakat dapat mendekatkan diri dan meningkatkan ketaqwaan pewakaf dan penerima manfaatnya kepada Allah SWT.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menaja kajian ini di bawah geran GUP-2018-067.

RUJUKAN

- Al-Din, Muhammad Kamal. 1998. *al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Fiqh al-Islami*. Mu'assasah al-Jam'iyah al-Dirasat.
- Al-Jawad, S., Al-Ansari, N., Adamo, N., Sissakian, V.K., Laue, J. & Knutsson, S. 2018. Groundwater quality and their uses in Iraq. *Journal of Earth Sciences and Geotechnical Engineering* 8(3): 123-144.
- Al-Khatib al-Syarbini. 1997. Mughni al-Muhtaj. Jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Khin, Mustafa. 2006. *al-Fiqh al-Manhaji*. Jld. 5. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al Nawawi. 1994. *Sahīh Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawāwī*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Saadi, S. A., Md Khalid, R. & Wan Dahalan, W. S. A. 2020. Revisiting the human right to water in contemporary international law. *UUM Journal of Legal Studies* 11(1): 37-49.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1994. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Hashim, M., Ahmad, A.W., Nayan, N., Mat Said, Z., Mahat, H., Saleh, Y. & Liew See, K. 2020. Penilaian kualiti air bawah tanah berdasarkan indeks kualiti air di Pulau Kapas, Terengganu. *e-Bangi* 17(6): 19-34.
- JAWHAR. 2006. Manual Pengurusan Wakaf. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Khalid, R.M., Mokhtar, M.B., Jalil, F., Rahman, S.A. & Spray, C. 2018. Legal framing for achieving 'good ecological status' for Malaysian rivers: Are there lessons to be learned from the EU water framework directive? *Ecosyst. Serv.* 29: 251-259.
- Mahmood, R.H. Shahida, S. Musafar Hameed, L.B. & Mustaffha, N. 2017. Kawalan dalaman tadbir urus wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 8: 49-58.
- Md Khalid, R. 2018. Review of the water supply management and reforms needed to ensure water security in Malaysia. *International Journal of Business and Society* 19: 472-483.
- Serantau Muslim. Waqaf Telaga Sumber Air untuk umat Islam di Asia Tenggara <https://donate.serantaumuslim.org.my/order/form/waqaftelaga2020>. Diakses pada: 28 Disember 2020.
- Taylor, R.G. et al. 2020. Groundwater and climate change in Africa. *Nature Climate Change* 3: 322-329.
- UTHM. 2020. UTHM wakaf 51 telaga pam air untuk masyarakat Islam Kemboja. <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/03/uthm-wakaf-51-telaga-pam-air-untuk-masyarakat-islam-kemboja/> Diakses pada: 28 Disember 2020.
- Yayasan Waqaf Malaysia, <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunaimalaysia>. Diakses pada: 20 Mac 2020.

PENGARANG

Rasyikah Md. Khalid
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor
rasyikah@ukm.edu.my

Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani
Amirul Hani & Associates
C-6-09, Street Mall One South
Seri Kembangan, Selangor
amirulashrafghani91@gmail.com

Muhamad Zawawi Bi Jalaludin
Amirul Hani & Associates
C-6-09, Street Mall One South
Seri Kembangan, Selangor
zawasi310@gmail.com

Suhaimi Ab Rahman
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Serdang, Selangor
suhaimiabrahman@upm.edu.my

Nurul Aini Yaacob
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor
cahaya.aini90@gmail.com